

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan butiran lebih lanjut tentang rancangan Khazanah Nasional untuk menyelamatkan syarikat penerbangan MAS supaya mampu berdiri semula dan kedudukan para pekerjanya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 12 rangka kerja telah digariskan dalam Pelan Pemulihan MAS bagi penyusunan semula syarikat penerbangan tersebut seperti berikut:

1. Penubuhan syarikat baru bagi menempatkan "MAS Baru", menyahsenarai MAS (syarikat lama) dan penyenaraian semula "MAS Baru". Penyahsenaraian MAS adalah langkah pertama dalam proses penstrukturran semula yang menyeluruh bagi melindungi pemegang saham minoriti daripada risiko pelaksanaan serta memberi peluang kepada MAS dan Khazanah untuk membuat keputusan yang sukar secara pantas dan berkesan;
2. Pendanaan sehingga RM6 bilion dengan syarat yang ketat dan pengurangan nisbah bersih hutang berbanding modal (*gearing*) kepada kira-kira 120 peratus;
3. Menetapkan semula model perniagaan melalui rangkaian yang memberi fokus kepada tumpuan serantau, struktur kos yang lebih rendah dan penekanan yang lebih kepada pengurusan hasil pendapatan;
4. Menyatukan ibu pejabat dan operasi dari Subang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA);
5. Pengukuhan jaminan, integriti dan keselamatan fungsi;

6. Mengkaji dan, jika berkenaan, merundingkan semula kontrak bekalan;
7. Mengukuhkan barisan kepimpinan;
8. Menyesuaikan saiz tenaga kerja kepada anggaran 14,000 kakitangan di "MAS Baru";
9. Mengukuhkan perhubungan industri dan penajaran dalaman;
10. Latihan semula, pewujudan pekerjaan dan penempatan semula;
11. Sokongan Kerajaan yang sesuai terhadap inisiatif utama, dan
12. Komunikasi berterusan dan perhubungan dengan pihak berkepentingan.

Kedudukan Pekerja

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut piawaian dan penanda aras industri bagi syarikat-syarikat penerbangan yang mempunyai persamaan dengan MAS dari segi saiz, laluan dan pelan perniagaan, jumlah optimum tenaga kerja yang diperlukan oleh MAS adalah seramai kira-kira 14,000 orang bagi memastikan operasi yang cekap dan produktif. Justeru itu, adalah dianggarkan seramai kira-kira

6,000 pekerja akan terlibat dalam proses pemberhentian (*retrenchment*). Ketika ini, MAS giat melaksanakan proses tapisan untuk menentukan *outfit* terbaik dari semua peringkat pengurusan dan sokongan bagi memperoleh kos operasi yang optimum.

Bagi memberikan sokongan kepada kira-kira 6,000 kakitangan MAS yang terlibat dalam proses pemberhentian tersebut, Khazanah akan menubuhkan sebuah pusat khas atau *Outplacement Centre* (OPC) di bawah Pelan Penyusunan Semula MAS. OPC ini akan menyediakan khidmat sokongan berkaitan yang diperlukan oleh pelbagai kumpulan pekerja yang akan meninggalkan MAS. Ini termasuklah sokongan profesional, emosi dan kewangan untuk membantu mereka beralih pekerjaan ke peringkat seterusnya dalam kerjaya masing-masing.

OPC akan diletakkan di bawah naungan Pusat Latihan Semula Korporat (CRC) yang ditubuhkan bagi penyusunan semula dan sokongan perkhidmatan. CRC akan meliputi bidang seperti perancangan kewangan dan persaraan, panduan kerjaya dan kaunseling, penjalinan hubungan dengan majikan serta badan-badan berkanun yang berpotensi.

Perjumpaan dengan kakitangan MAS menerusi beberapa sesi turun padang yang telah diadakan menunjukkan bahawa terdapat sokongan meluas ke atas penubuhan CRC dan OPC daripada kakitangan MAS di samping keinginan untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai penyusunan semula ini. Kesatuan pekerja MAS berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai CRC dan OPC, khususnya jenis Latihan Semula yang disediakan, proses pemilihan, tempoh latihan, dan jangka masa untuk menyiapkan pusat tersebut.

Penempatan semula 6,000 orang pekerja dan jumlah pampasan bagi skim pemberhentian ini sedang dimuktamadkan sementara menunggu penyelesaian program penilaian bakat yang sedang dilaksanakan di MAS. Selain daripada skim pemberhentian, Khazanah juga sedang menilai skim untuk memastikan bahawa bakat terbaik diberi insentif dan dikekalkan dalam "MAS Baru".

Memandangkan jumlah dana yang besar serta usaha dan masa yang banyak diperlukan untuk menjayakan Pelan Pemulihran MAS ini,

adalah kritikal bagi Kerajaan untuk memastikan pembentukan sebuah syarikat penerbangan yang berjaya dan mampan yang dapat menyumbang kepada ekonomi negara menjelang penghujung pelaksanaan rancangan ini. Oleh itu, Khazanah komited untuk memastikan proses pemindahan, penghijrahan dan pemberhentian yang melibatkan kakitangan MAS dilaksanakan dengan penuh cermat, adil dan menurut proses yang ditetapkan bagi meminimumkan kesan kepada mereka yang terlibat.